



جَابِتِنْ جَالِ اَحْوَالِ اِكَامِ سَلَامِ قَوْلِ سَلَامِ

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PERLIS



PENGUATKUASAAN HALAL



Akta Perihal
Dagangan 2011

TAHUKAH ANDA BAGAIMANA UNTUK MENGENALI LOGO HALAL MALAYSIA ?

Penguatkuasaan dengan ungkapan “Halal” dilaksanakan di bawah Akta Perihal Dagangan 2011. Perintah Dagangan (Takrif Halal) 2011. Perintah Perihal Dagangan Perakuan Dan Penandaan Halal 2011

Akta ini dan perundangan susidiarinya memberi perlindungan kepada peniaga atau pengguna dari amalan perdagangan yang tidak sihat. Ungkapan “Halal” adalah merupakan salah satu perihal dagangan bagi maksud Akta ini.

A. PERINGKAT PERIHAL DAGANGAN (TAKRIF HALAL) 011-SEKSYEN 28

Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 memperuntukkan bahawa apabila suatu makanan atau barang-barang di perihalkan sebagai halal atau diperihalkan dengan apa-apa undangan lain untuk menunjukkan makanan atau barang-barang itu boleh dimakan atau digunakan oleh orang islam, ungkapan tersebut bererti makanan atau barang-barang itu

Apabila perkhidmatan berhubung dengan makanan atau barang-barang, termasuk pengangkutan, penyimpanan dan pemprosesan bahan mentah, penyajian dan peruncitan makanan atau barang-barang tersebut diperihalkan sebagai Halal, ungkapan tersebut bererti perkhidmatan itu dijalankan mengikut Hukum Syarak

KESALAHAN BAGI MEMPERDAYAKAN ATAU MENGELIRUKAN

Mana-mana orang yang membekalkan atau menawarkan dengan membuat apa-apa representasi atau perbuatan yang boleh memperdayakan atau mengelirukan mana-mana orang bahawa makanan itu adalah Halal atau boleh dimakan oleh orang islam adalah melakukan suatu kesalahan termasuk:

- (a) Bukanlah dan tidaklah terdiri daripada atau mengandungi apa-apa bahagian atau benda daripada binatang yang dilarang oleh Hukum Syarak bagi orang Islam untuk memakannya atau yang tidak disembelih mengikut Hukum Syarak
- (b) Tidak mengandungi apa-apa benda najis mengikut Hukum Syarak
- (c) Tidak memabukkan mengikut Hukum Syarak
- (d) Tidak mengandungi mana-mana bahagian anggota manusia atau hasil daripadanya yang tidak dibenarkan oleh Hukum Syarak
- (e) Tidak beracun atau memudaratkan kesihatan
- (f) Tidak disediakan, diproses atau dikilangkan menggunakan apa-apa peralatan yang dicemari najis mengikut Hukum Syarak
- (g) Tidaklah dalam masa penyediaan, memproses atau menyimpannya bersentuhan, bercampur atau berdekatan dengan apa-apa makanan yang gagal memenuhi perenggan (a) dan (b).

Penggunaan ayat-ayat suci Al-Quran atau apa-apa perkara objek yang berhubung dengan agama Islam seperti membenarkan pekerjaanya yang bukan beragama Islam memakai kopiah songkok atau tudung seperti lazim dipakai oleh orang Islam.

“HARI YANG HALAL
ITU FARDHU”

HUKUMAN BAGI KESALAHAN DI BAWAH SEKSYEN 28 (TAKRIF HALAL) APD 2011

Jika disabitkan kesalahan, maka boleh dikenakan tindakan seperti berikut:

**JIKA ORANG ITU BUKAN
SUATU PERTUBUHAN
PERBADANAN**

Denda tidak melebihi RM
1,000,000 (satu juta ringgit)
atau dipenjarakan selama
tempoh tidak melebihi 3 tahun
atau kedua-duanya

Bagi kesalahan yang kedua atau
berikutnya didenda tidak
melebihi RM5,000,000 (lima
juta ringgit) atau dipenjarakan
selama tempoh tidak melebihi 5
tahun atau kedua-duanya

**JIKA ORANG ITU IALAH
SUATU PERTUBUHAN
PERBADANAN**

Didenda tidak melebihi RM
5,000,000 (lima juta
ringgit)

Bagi kesalahan kedua atau yang
berikut tidak melebihi RM
10,000,000 (sepuluh juta
ringgit)

B. PERINTAH PERIHAL DAGANGAN (PENGAKUAN DAN PENANDAAN HALAL) 2011- SEKSYEN 29

Perintah Perihal Dagangan (Perakuan Dan Penandaan Halal) 2011 memperuntukkan hanya Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Majlis Agama Islam bagi Negeri-Negeri (MAIN) masing-masing dilantik menjadi pihak berkuasa berwibawa untuk memperaku bahawa mana-mana makanan barang-barang atau perkhidmatan yang berhubung dengan makanan atau barang-barang itu adalah halal mengikut Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011

- Diperakukan sebagai halal oleh pihak berkuasa berwibawa (JAKIM/MAIN); dan
- Ditandakan dengan logo yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa berwibawa (JAKIM/MAIN) sepertimana berikut

Di bawah Perintah ini, semua makanan, barang-barang atau perkhidmatan tidak boleh diperihalkan sebagai halal atau menunjukkan makanan atau barang-barang itu boleh dimakan atau digunakan oleh orang Islam melainkan jika:

HUKUM BAGI KESALAHAN DI BAWAH SEKSYEN 20 (PERAKUAN DAN PENANDAAN HALAL) APD 2011

Jika disabitkan kesalahan, maka boleh dikenakan tindakan seperti berikut:

**JIKA ORANG ITU BUKAN
SUATU PERTUBUHAN
PERBADANAN**

Denda tidak melebihi RM100,000
(satu ratus ribu ringgit) atau
dipenjarakan selama tempoh tidak
melebihi 3 tahun atau kedua-
duanya

Bagi kesalahan yang kedua atau
berikutnya didenda tidak melebihi
RM250,000 (DUA RATUS LIMA PULUH
RIBU ringgit) atau dipenjarakan
selama tempoh tidak melebihi 5 tahun
atau kedua-duanya

**JIKA ORANG ITU IALAH
SUATU PERTUBUHAN
PERBADANAN**

Didenda tidak melebihi RM200,000
(dua ratus ribu ringgit)

Bagi kesalahan kedua atau yang
berikut didenda tidak melebihi
RM500,000 (lima ratus ribu ringgit)

TAHUKAH ANDA BAGAIMANA UNTUK MENGENALI LOGO HALAL MALAYSIA ?



MS 1500
1059-02/2008

Perkataan "MALAYSIA" dalam bulatan

Bintang berbucu 8 ditengah bintang

2 bintang kecil berbucu 5 bagi
memisahkan tulisan rumi dan arab

Perkataan Arab "HALAL" di tengah
bintang

Tulisan "HALAL" di tengah

Tulisan "MALAYSIA" dalam Arab

Nombor MS dan nombor rujukan fail
(10 angka terakhir)



Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Bahagian Pengurusan Halal
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis (JAIPs)

No. Telefon: 04-979 4400

No. Hotline: 011-2076 2458

E-mel: halalhabperlis@gmail.com



Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis -
JAIPs Laman Rasmi

Sila imbas untuk pengesahan status halal
produk atau premis